

20 SEP 1998

Tajol-Anwar

RAKYAT PERLU BERTENANG DAN YAKIN DENGAN PROSES PERUNDANGAN NEGARA

GRIK, 20 Sept (Bernama) -- Rakyat perlu bertenang dalam menghadapi kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menghadapi pelbagai tuduhan antaranya seks di luar tabii dan membocorkan rahasia kerajaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali hari ini berkata, mereka perlu yakin dengan proses perundangan negara, yang dikuatkuasakan oleh pihak polis, mahkamah dan pejabat Peguam Negara

Kes Anwar perlu dilihat seperti kes skandal seks Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dengan Monica Lewinsky yang mengambil masa empat tahun sebelum dapat dibuktikan sepenuhnya oleh Pendakwa Raya Bebas Kenneth Starr, katanya lagi.

"Saya berharap masyarakat bertenang dan lihat proses-proses perundangan yang diambil serta apa juga yang berlaku. Kita mesti ada keyakinan pada pihak polis, Peguam Negara dan mahkamah," katanya kepada pemberita pada majlis Ceramah Perdana oleh anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Ibrahim Ali anjuran Wanita Umno Bahagian Gerik di Dewan Bandaran di sini.

Menurut beliau lagi, polis tentunya mempunyai strategi tersendiri sebelum mendakwa Anwar di mahkamah.

Beliau berkata, rakyat tidak sepatutnya mengambil sebarang tindakan yang boleh menimbulkan keresahan dan konflik sesama sendiri, malah perlu tunggu dan lihat sehingga pertuduhan-pertuduhan yang dibuat oleh pihak polis terhadap Anwar selesai.

"Saya tahu ramai yang sukar untuk menerimanya walaupun ada usaha-usaha untuk membuktikan dakwaan sebagai benar, apatah lagi Dr Mahathir, yang bukan senang untuk mengambil tindakan sedemikian," katanya.

"Beliau terpaksa memikir semasak-masaknya untuk kepentingan negara berikutan pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak polis berdasarkan laporan polis yang dibuat oleh Anwar sendiri serta tiga lagi orang mengenai dakwaan-dakwaan dalam buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM," katanya.

Ada sesetengah pihak mempersoalkan kenapa semua kes berkaitan dengan Anwar baru hendak didedah, ia perlu bagi membuktikan tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri terhadap Anwar mempunyai asas yang kukuh, katanya.

-- BERNAMA.

HK PR